



Toh Puan Suhaila diperkenal

ISTERI Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah (kiri) memperkenalkan Datin Toh Puan Suhaila (tengah) kepada isteri Pemangku Menteri Besar Brunei, Datin Hajah Zaharah Idris (kanan).

Pertemuan itu diadakan di majlis jamuan teh di kediaman rasmi Perdana Menteri di Kuala Lumpur petang semalam.

Tiga puluh empat orang ketua dan wakil berbagai pertubuhan wanita di negara ini menghadiri majlis jamuan tersebut.

Datin Seri Dr. Siti Hasmah dalam ucapan ringkasnya berkata kaum wanita di negara ini sangat beruntung kerana diberikan peluang yang sama dengan kaum lelaki dalam bidang pekerjaan.

Katanya, peluang untuk mereka memegang jawatan tinggi di mana-mana jabatan dan agensi kerajaan tidak ada bezanya dengan yang didapati oleh kaum lelaki.

Beliau berharap perjumpaan itu akan mempererat lagi hubungan kaum wanita antara Malaysia dengan Brunei. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia